

E-BULETIN
EDISI
2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



PERANAN PERPUSTAKAAN MASJID

Masjid bukan sahaja berperanan sebagai tempat untuk mengerjakan solat, tetapi ia juga merupakan sebuah institusi sosial yang berperanan dalam membina pendidikan, ekonomi dan politik masyarakat setempat. Masjid mempunyai banyak fungsi, salah satunya adalah sebagai institusi pendidikan. Seperti institusi pendidikan yang lain, masjid juga tidak boleh terlepas dengan kewujudan perpustakaan. Ini adalah kerana, perpustakaan merupakan nadi dalam mengekalkan kecemerlangan intelek sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, perpustakaan masjid harus dimanfaatkan oleh jemaah masjid dan masyarakat setempat bagi memastikan perkembangan pendidikan berteraskan Islam terus mampan.

Perpustakaan masjid didefinisikan sebagai sebuah perpustakaan khas yang berperanan untuk memenuhi keperluan intelek masyarakat setempat dengan melibatkan penyertaan masyarakat setempat iaitu melalui penyediaan koleksi, pengurusan, dan pemanfaatan (Fitriani, Fitriani. (2017). Perpustakaan masjid merupakan perpustakaan awam yang terletak di masjid dan menempatkan pelbagai bentuk sumber maklumat dengan tujuan untuk bimbingan dan pendidikan pembangunan masyarakat beragama dan menyediakan perkhidmatan kepada semua peringkat masyarakat serta menjadi sebahagian daripada kehidupan dan aktiviti masyarakat setempat (Triani Rahmawati, 2012).

Secaranya umumnya, Perpustakaan masjid bertujuan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan yang bercorak Islam di kalangan masyarakat setempat selain daripada peranan utamanya sebagai tempat beribadat kepada Allah SWT. Sebelum membincangkan peranan dan fungsi perpustakaan masjid, kita lihat dahulu peranan dan fungsi masjid. Ini kerana fungsi dan peranan masjid dan perpustakaan masjid sangat berkait rapat. Pada zaman Rasulullah SAW, masjid berperanan sebagai pusat pembinaan ruhiyah, pusat pendidikan, pusat kegiatan sosial, pusat pemerintahan dan pusat kegiatan ekonomi. Pendek kata, masjid adalah sebagai pusat segala aktiviti masyarakat zaman dahulu.



Sumber: <https://www.malaysia.travel>

*Zahril Shahida Ahmad
& Seri Intan Idayu
Shahrul Asari*

*Pengajian Sains Maklumat,
Kolej Pengajian
Pengkomputeran, Informatik
dan Media*

*UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Rembau*

Pada masa kini perpustakaan masjid mempunyai pelbagai fungsi. Sulisty Basuki (1993), membincangkan lima fungsi perpustakaan masjid iaitu perpustakaan masjid sebagai pusat pendidikan di mana para jemaah atau masyarakat sekeliling boleh mendapatkan sumber pembelajaran. Perpustakaan masjid juga memainkan peranan sebagai pusat maklumat yang menyediakan kemudahan sumber maklumat yang boleh diakses oleh pengguna. Selain itu, ia juga merupakan pusat penyelidikan yang menyediakan bahan-bahan penyelidikan dalam pelbagai bidang seperti sains, teknologi dan seni. Menurut beliau, perpustakaan masjid juga turut menyokong aktiviti riadah dan rekreasi masyarakat setempat dengan menyediakan koleksi rekreasi bagi membangunkan daya kreativiti, minat dan inovasi pengguna perpustakaan. Perpustakaan masjid juga membantu menerbitkan karya yang dihasilkan oleh masyarakat sekeliling melalui fungsinya sebagai pusat penerbitan.

Menurut Muhammad Nur Effendi (2020), selain daripada peranan perpustakaan masjid seperti yang dibincangkan oleh Sulisty Basuki (1993), perpustakaan masjid juga berperanan sebagai pusat konservasi di mana ia menyimpan dan memelihara khazanah Islam seperti Al-Quran yang ditulis tangan oleh ulama pada masa dahulu, hadith nabi, naskhah atau manuskrip yang menceritakan keagungan Islam serta koleksi lain yang berkaitan dengan keilmuan dan kegiatan masjid suatu ketika dahulu.

Lokman Abdul Rahman (2012) di dalam kertas kerjanya yang bertajuk “peranan perpustakaan masjid: satu kajian ringkas di Masjid Putra” pula menyatakan peranan masjid sebagai pusat ekspo buku dan tamadun Islam berkala. Melalui fungsi ini, pihak perpustakaan masjid boleh manganjurkan ekspo buku dan tamadun untuk menunjukkan kegiatan ilmu Islam melalui karya-karya penulisan terbaru dari dalam dan luar Negara serta menganjurkan pertandingan penulisan ilmiah, novel, khutbah, artikel dan sebagainya yang bercorak Islam dalam pelbagai topik dan anugerah pemenang boleh dinobatkan ketika perasmian ekspo tersebut. Beliau turut membincangkan peranan unggul perpustakaan masjid sebagai pusat ilmu, budaya dan tamadun Islam. Melalui kajian ringkasnya di Masjid Putra, menunjukkan pelbagai aktiviti ilmu dijalankan oleh pihak pengurusan Perpustakaan Masjid Putra, antaranya adalah penganjuran kursus berkala dan tidak berkala seperti kursus penyembelihan, kursus haji dan umrah dan kursus fardu kifayah.

Menyambut saranan masyarakat madani, peranan perpustakaan masjid bukan sahaja boleh diwujudkan dalam bentuk fizikal sahaja. Peranan perpustakaan masjid digital juga boleh dikembangkan selaras dengan perkembangan teknologi mengikut zaman. Inisiatif Masjid Jamek Shaik Eusoff Dhoby Ghaut boleh dijadikan ikutan dimana ia telah menjadi masjid pertama di negara ini yang mempunyai ruang khas Perpustakaan Digital untuk jemaah dan pelajar di sekitar Pulau Pinang mendapatkan maklumat dan bahan-bahan digital (Mohd. Fadhli Mohd. Sulaiman, 2022). Melalui usaha ini, peranan masjid bukan sahaja berfungsi sebagai institusi keagamaan malah membawa peranan sebagai sumber maklumat dilengkapi dengan kemudahan berteknologi mengikut perubahan zaman.

Antara usaha lain pihak kerajaan negeri juga telah menunjukkan pertumbuhan baik perpustakaan masjid digital seperti di Masjid Jamiatus Solahiah, Gombak. Perpustakaan dengan koleksi buku berbentuk agama, pengetahuan am, kanak-kanak, novel dan Kerajaan Negeri itu menyediakan kemudahan seperti dua unit komputer, internet, mesin pencetak serta penyaman udara (Zareef Muzammil, 2023). Selain itu Perpustakaan digital dan galeri Islam bakal menjadi tarikan baru serta ruangan informatif di Bangunan Istana Mustika Embun, yang terletak Jalan Abdul Rahman Andak, Johor. Menerusi hantaran di media sosial Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar bertitah, perpustakaan bukan sahaja gedung ilmu penting malah galeri Islam itu perlu dilengkapi dengan sumber rujukan penting, sejarah perkembangan Islam di Johor (Omar Ahmad, 2023). Dari perkembangan ini, keperluan perpustakaan masjid ini adalah meluas dan peranannya memberi impak dari pelbagai sudut dan disokong oleh dari pelbagai lapisan masyarakat.

Jesteru, untuk menghidupkan peranan perpustakaan masjid adalah penting untuk kita semua mengimarahkan perpustakaan masjid untuk menarik perhatian jemaah masjid dan masyarakat setempat mengunjungnya.

Menurut Nor Azzah Momin (2012), faktor-faktor seperti kepelbagaian koleksi perpustakaan masjid samada dalam bentuk bercetak atau tidak bercetak, kemudahan ruang bacaan yang selesa, kemudahan komputer dan internet, kepelbagaian perkhidmatan yang disediakan seperti kelas bimbingan pencarian maklumat, lokasi yang strategik dan penganjuran aktiviti yang menarik dapat meningkatkan jumlah pengunjung perpustakaan masjid. Usaha yang dijalankan ini juga merupakan salah satu cabang dakwah untuk kita terus mengembangkankan syiar Islam.

Kesimpulannya, Perpustakaan Masjid merupakan sebuah perpustakaan khas yang berfungsi memenuhi keperluan pendidikan masyarakat setempat. Perpustakaan masjid berperanan untuk mengumpul, menyimpan dan menyelenggara koleksi perpustakaan yang diperlukan untuk pembinaan dan pembangunan umat Islam setempat. Melalui perpustakaan, jemaah masjid dan umat Islam amnya boleh mempelajari apa yang telah dihasilkan oleh ilmuan dan para ulama terdahulu dan sentiasa boleh mengikuti dan menyesuaikan diri dengan maklumat baharu secara positif.

Rujukan

- Fitriani, Fitriani. (2017). Peranan dan fungsi Perpustakaan Masjid dalam mencerdaskan umat Islam. *Pustaka Karya: Jurnal Ilmiah Ilmu Perpustakaan dan Informasi*. 5 (52). DOI:10.18592/pk.v5i10.1619.
- Lokman Ab. Rahman. (2012). Peranan perpustakaan masjid: Satu kajian ringkas di Masjid Putra Kertas Kerja dibentangkan dalam Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012, Kulliyah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UIAM, 27-28 Mac 2012, pp. 59-68.
- Mohd Fahdli Mohd Sulaiman. "Masjid Jamek Shaik Eusoff Dhoby Gahut masjid pertama punya ruang khas perpustakaan digital." *Utusan Malaysia*, 17 Dec 2022, <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/12/masjid-pertama-punya-ruang-khas-perpustakaan-digital-di-malaysia/>. Accessed 13 Jun 2023
- Muhammad Nur Effendi. (2020). Reposisi peranan dan fungsi perpustakaan masjid dalam mencerdaskan umat islam. *El Pustaka: Jurnal Ilmu Perpustakaan dan Informasi Islam*, 01 (01), 01-13
- Nor Azzah Momin. (2012). Mengimarahkan Perpustakaan Masjid. Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012, Kulliyah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UIAM, 27-28 Mac 2012, pp. 69-82.
- Omar Ahmad. "Perpustakaan digital, galeri Islam bakal tarikan baharu – Sultan Johor." *myMetro*, 23 Jan 2023, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/01/928632/perpustakaan-digital-galeri-islam-bakal-tarikan-baharu-sultan-johor>. Accessed 13 Jun 2023.
- Sulistyo-Basuki. (1993). *Pengantar Ilmu Perpustakaan*. Jakarta: Gramedia.
- Triani Rahmawati. (2012). Mosque library and its role in intellectual life of the nation. Paper presented at the International Conference on Libraries: "Transformation to Humanize Libraries ", Renaissance Hotel Kota Bharu, Kelantan, 12 nd - 4 th July 2012, pp. 1-7.
- Zareef Muzammil. "Negeri rancang wujud perpustakaan mini di masjid seluruh Selangor." *Selangor Kini*, 15 Jan 2023, <https://selangorkini.my/2023/01/negeri-rancang-wujud-perpustakaan-mini-di-masjid-seluruh-selangor/>. Accessed 13 Jun 2023